



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR**

**SME CORP. MALAYSIA BANTU PKS TEMPATAN  
KUKUHKAN DAYA SAING DI DALAM SEKTOR BERNILAI TINGGI**

---

**[Sabtu, 16 April 2016]** YB Dato' Sri Mustapa Mohamed pada hari ini telah melawat syarikat Nadi Marine Sdn. Bhd., salah sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan pengujian marin dan perkapalan di Malaysia. Lawatan rasmi ini adalah sebahagian daripada jadual kunjungan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed ke Johor dan juga bagi melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) di bawah kelolaan SME Corp. Malaysia. Syarikat Nadi Marine Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2004 yang beroperasi sepenuhnya di Gelang Patah Johor diterajui oleh Encik Syed Mohamad Syed Alwi, seorang usahawan yang cukup berpengalaman di dalam bidang marin dan perkapalan.

Mensasarkan kewujudan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik, Program BEEP ini membantu PKS melalui pendekatan dan bimbingan yang bersepadu meliputi pengukuhan perniagaan, pembinaan kapasiti dan keupayaan, peningkatan produktiviti serta kemudahan akses kepada pembiayaan. Selain itu, bantuan untuk meningkatkan kemahiran melalui latihan, mutu pembungkusan, pelabelan, persijilan, sistem pengurusan kualiti, inovasi, pengiklanan, promosi serta penjenamaan turut disediakan.

SME Corp. Malaysia sentiasa memastikan bantuan yang diberikan kepada PKS adalah holistik, bersesuaian dan menepati keperluan perniagaan mereka. Bagi mengenalpasti bantuan yang bersesuaian untuk syarikat Nadi Marine, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Penarafan Dayasaing PKS bagi Peningkatan (SCORE) dan diluluskan Geran BEEP bagi pembelian SR-1 Dive System yang dapat meningkatkan produktiviti syarikat. Ini dapat membantu Nadi Marine terlibat di dalam

sektor bernilai tinggi yang mampu memberi nilai tambah kepada industri PKS di Malaysia.

Turut mengiringi Dato' Sri Mustapa Mohamed pada Lawatan Turun Padang di Johor ini adalah Dato' (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, Dato' Dzulkifli Mahmud, Ketua Eksekutif MATRADE, Dato' Azman Mahmud, Ketua Eksekutif MIDA, Encik Isham Ishak, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI, Encik Abdul Karim Ahmad, Pengarah Bahagian Perusahaan & Pembangunan Perbankan SME Bank dan juga pegawai-pegawai daripada MITI & agensi.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Reza Kamal Ramli di 03-2775 6258 ([reza@smeCorp.gov.my](mailto:reza@smeCorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smeCorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smeCorp.gov.my)).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smeCorp.gov.my>  
e-mail: [info@smeCorp.gov.my](mailto:info@smeCorp.gov.my)

**SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.